

PERAJURIT

Penjana Pemikiran Pertahanan

NOVEMBER 2017

SEM.M'SIA: RM12.70
SAB/S'WAK: RM13.80
ISSN 1394-9713



9 771394 971009 11 >

JILID 24 NO 11

PP 3710/10/2012(030638)

**KUIZ
PERAJURIT
2017**



Ancaman Terbesar Adalah....

Hari demi hari, kita terdedah dengan pelbagai perkembangan dari luar negara. Semenjak akhir-akhir ini, boleh dikatakan kita dapat melihat beberapa perkembangan yang kurang menyenangkan dari luar negara.

Isu pelarian, serangan pengganas dan pelbagai ancaman lagi telah berlaku di sekeliling kita.

Dalam tanah air kita pula, isu perpecahan dan perbalahan masih lagi di tahap suam-suam kuku tetapi mungkin akan melarat kepada kebinasaan jika gagal dibendung.

Disebalik tred ancaman yang nyata, kita sebenarnya menghadapi ancaman dari dalam dan ianya bermula dari diri kita.

Namun, penulis ingin memetik kenyataan seorang panglima yang menyatakan bahawa ancaman terbesar bagi sesebuah negara termasuk Malaysia adalah pudarnya semangat kerjasama, perpaduan dan budaya nilai murni di dalam masyarakat.


Kemajuan teknologi yang seharusnya memberikan kemudahan kepada kita semua telah disalahgunakan dan akhirnya membawa kepada beberapa perkara yang bakal menjadi duri dalam daging kepada kita semua.

Nilai-nilai murni, semangat kekitaan dan perpaduan pula semakin pudar. Yang muda tidak menghormati yang tua, yang baru pula mula melanggar batasan protokol yang ada sekian lama.

Perkembangan sebegini seharusnya diambil serius dan dibendung semenjak awal lagi. Ego dan sikap mementingkan diri tidak akan membawa apa-apa faedah melainkan kehancuran. Ya, kita mungkin mampu berdiri teguh pada masa kini tetapi siapa akan tahu jika nilai-nilai negatif sebegini akan membawa padah kepada kita semua.

Nescaya, jika semangat positif dan nilai sedar diri diterapkan dalam diri kita, diiringi oleh rasa empati – kita mungkin mampu untuk membendung perkara sebegini membawa padah.

Adakah kita mampu untuk menjadi satu masyarakat yang berupaya dan mampu untuk meneruskan kelangsungan hidup kelak? Itu terpulang kepada pembawaan masing-masing.



M.Daim

PERAJURIT

Pejana Pemikiran Pertahanan

Penerbit & Ketua Editor

Dato' Haji Syed Hussain bin Syed Abdul Karim

Penerbit Eksekutif

Syed Mohd Fazilla bin Dato' Haji Syed Hussain

Editor Kumpulan

M Ghazemy Mahmud

Editor

Mohd Daim (daim@shpmedia.com)

Jurnalists Pertahanan

Murshid Al-Hafiz (murshid@shpmedia.com)

Syahirah Fuad (syahirah@shpmedia.com)

Koresponden Wilayah Utara

Hamzah Haji Dollah

Penulis Tamu

Lt. Kol (B) Saiful Anwar Md Ali

Mejar (B) Ramli Abdul Rahim

Rafe Rahmat

Eksekutif Pengedaran

Rosilawati Ashrap (ila@shpmedia.com)

Haini Aisyah (haini@shpmedia.com)

Rekabentuk

Mohd Rezualirwan (kudin@shpmedia.com)

Penerbit

Inai Damai Sdn Bhd

1203, Block E, 12th Floor, Phileo Damansara 1,

No. 9 Jalan 16/11, Off Jalan Damansara,

46350 Petaling Jaya, MALAYSIA.

Tel: (6) 03 7960 1148 Fax: (6) 03 7960 1152

Wakil Jualan Pengiklanan Untuk Perancis dan lain-lain negara Eropah

Fabio Lancellotti & Emmanuel Archambeaud

Defense & Communication,

48, Boulevard Jean-Jaures,

92110 Clichy, FRANCE

Tel : ++33-1-47307180

Fax : ++33-1-47300189

Email: flancellotti@defcommunication.com

earchambeaud@defcommunication.com

Rusia dan negara-negara CIS

Yuri Laskin

115172, Moscow, RUSSIA,

Krasnokholmskaya Nab., 11/15, app/132

Tel: +7-495-91212762, +7-495-9121346

Fax : + 7-495-9121260

E-mail: ylarm-lml@mtu-net.ru

Korea Selatan

Col (R) Yong Geun Yoo

Tel: +60(11)11246069

email: ygyoo77@gmail.com

Turkey/Azerbaijan/Kazakhstan/Turkmenistan

Agrega Ltd Sti

Tel/Fax: + 90 312 440 66 63

email: pr@agregaconsultancy.com

Dicetak oleh

BHS Book Printing Sdn Bhd

Lot 4, Lorong CJ 1/1B,

Kawasan Perindustrian Cheras Jaya,

43200 Cheras, Selangor, Malaysia.

Tel: (+603) 9076 3399, 9074 7558, 9074 7017

Faks: (+603) 9074 7573, 9074 5226

© Hak Cipta Terpelihara: Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak dibenarkan di ulang cetak atau diterbitkan semula dalam apa jua bentuk tanpa izin bertulis Penerbit. **Perajurit** mengalu-alukan sumbangan rencana untuk dimuatkan ke dalam majalah ini. Bagaimana pun Tim Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap tulisan yang dihantar selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat atau pendirian Perajurit.
E-mail editorial : perajurit@shpmedia.com

Penubuhan infrastruktur pesisir untuk pembinaan dan baikpulih kapal



Delegasi Tentara Nasional Indonesia - Angkatan laut (TNI-AL) baru-baru ini hadir melawat Ibu Pejabat JSC SSTC.

Infrastruktur pesisir untuk pembinaan dan baikpulih kapal merupakan salah satu komponen penting yang melengkapi kerjasama ketenteraan-teknikal dalam aktiviti eksport kejuruteraan angkatan laut.

Infrastruktur pesisir dikhususkan untuk menampung kapal-kapal yang sedang dalam tempoh pelayaran untuk melakukan ulang bekal bahan api dan peluru, memenuhi segala keperluan yang dikehendaki, melaksanakan baikpulih berjadual atau tidak berjadual, dan memberikan latihan kepada anak kapal. Segala perkara yang telah dinyatakan merupakan asas kepada pembentukan dan melengkapkan segala kemudahan yang diperlukan.

Memberikan jalan penyelesaian kepada kerja-kerja yang berkaitan dengan kerjasama ekonomi bersama rakan dagangan asing merupakan salah satu aktiviti utama syarikat JSC Shipbuilding & Shiprepair Technology

Center (JSC SSTC) yang telah dilakukan selama bertahun.

JSC SSTC kini mempunyai pengalaman yang luas dalam membentuk kemudahan infrastruktur pesisir kepada pelanggan eksport. Antara kelebihan yang boleh didapati adalah penglibatan JSC SSTC dalam semua fasa pembinaan projek; bermula dari pengumpulan data utama sehinggalah pentauliahn fasiliti. Kejayaan dalam memenuhi keperluan dalam kontrak sekaligus menjadikan JSC SSTC menjadi peneraju dalam industri pembinaan kapal.

Baru-baru ini, JSC SSTC telah membentangkan cadangan dari segi teknikal untuk membentuk fasiliti pesisir bagi operasi kapal selam di Vietnam, Indonesia, Venezuela, Mesir, serta fasiliti pesisir untuk aset permukaan di Turkmenistan (Turkmenia) dan Kazakhstan.

Kami di JSC SSTC mempunyai rekod yang baik dalam pembentukan

infrastruktur pesisir untuk kapal selam di Kamran, Vietnam. JSC SSTC telah menghantar, memasang, dan mentauliahkan peralatan berteknologi dan turut menghasilkan dokumentasi untuk kerja-kerja baik pulih kapal selam. Pangkalan kapal selam di Kamran telah beroperasi semenjak tahun 2015. Semenjak itu, fasiliti tersebut telah berjaya untuk memenuhi keperluan operasi tempur dan juga pembangunan teknologi.

Indonesia kini berminat untuk memperolehi kapal selam dari Rusia dan juga pembentukan fasiliti pesisir di negara kepulauan itu. Penubuhan pangkalan kapal selam di Surabaya merupakan satu peluang yang baik kepada JSC SSTC untuk membuktikan kebolehan mereka.

Salah satu faktor utama dalam membantu membentuk kerjasama dengan pelanggan eksport adalah keupayaan JSC SSTC untuk



Sesi mesyuarat antara pihak JSC SSTC dengan Tentera Laut China, PLA Navy, ibu pejabat JSC SSTC.

menyediakan skop kerja yang lengkap mengenai penubuhan infrastruktur pesisir (termasuk pembinaan kapal, penempatan dan pembaikan), yang dijadikan sebagai kerjasama teknikal tentera melalui agensi kerajaan JSC Rosoboronexport. Pendekatan yang kompleks dalam pelaksanaan kontrak merupakan satu perkara yang sangat dihargai oleh pelanggan asing dan meningkatkan kredibiliti JSC SSTC sebagai rakan kongsi yang kukuh dalam kerjasama jangka panjang dan bermanfaat.

JSC SSTC telah lama aktif dalam memenuhi kontrak pembinaan bengkel untuk baikpulih kapal. Pada tahun 2008, JSC SSTC telah berjaya membina bengkel-bengkel baikpulih untuk kapal selam kelas 877EKM di Bender-Abbas, Iran. Pada ketika ini, JSC SSTC sedang giat membina bengkel-bengkel baikpulih untuk kapal kelas Project 11430 di Mumbai dan Karwar di India. Kerja-kerja pemasangan sedang giat dijalankan di kedua-dua bandar tersebut. Projek berskala besar yang lain yang sedang dilaksanakan oleh JSC SSTC adalah menyediakan bantuan teknikal kepada Tentera Laut Vietnam dalam pembinaan limbungan X-52 di Kamran.

Mengekalkan tahap tempo operasi kapal dan tahap kesiapsiagaan persenjataan dan sistem kapal merupakan kunci utama dalam kejayaan sesebuah kapal untuk melaksanakan sesuatu misi. Oleh yang demikian, pelanggan asing utama kami turut mempunyai kecenderungan dalam penubuhan fasiliti baikpulih sistem persenjataan.

Membekalkan khidmat baikpulih sistem persenjataan merupakan

salah satu aktiviti eksport utama yang giat dijalankan oleh JSC SSTC, yang sekaligus menjadikan firma tersebut sebagai satu-satunya firma yang menyediakan perkhidmatan dalam bidang ini. Kemudahan membaikpulih sistem persenjataan dibina untuk pelanggan yang tidak mempunyai persamaan secara langsung dalam proses komposisi peralatan di Rusia.

Penyediaan peluang perkerjaan dalam bidang teknikal untuk sistem persenjataan seperti peluru berpandu dan torpedo merupakan antara komponen penting dalam pembentukan kemudahan atur gerak aset tempur. Segala spesifikasi aset permukaan dan kapal selam telah digariskan bagi memastikan keberkesanan dalam penggunaan sistem persenjataan. Oleh itu, mengekalkan tahap kesiapsiagaan sistem persenjataan adalah penting bagi menjamin tahap kesiapsiagaan angkatan laut.

JSC SSTC telah mempunyai pengalaman yang luas dalam membentuk jawatan teknikal untuk

setiap sistem persenjataan moden yang telah dieksport seperti peluru berpandu anti kapal, peluru berpandu anti pesawat dan torpedo. Namun begitu, setiap persenjataan ini mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Justeru itu, segala kerja-kerja yang khusus untuk sistem persenjataan ini dilaksanakan secara bersama dengan pihak pengeluar (OEM). JSC SSTC melaksanakan kerja-kerja merekabentuk, memeriksa tahap persiapan fasiliti pemasangan dan menyelia kerja-kerja pemasangan dan pentauliahan. Pihak pengeluar (OEM) pula akan memberi pemfokusan dalam menghantar, memasang dan mentauliahkan peralatan berteknologi khusus.

Senarai kerja yang telah dijadualkan dan telah dilaksanakan oleh JSC SSTC dalam semua aspek penubuhan infrastruktur pesisir telah menunjukkan permintaan keseluruhan untuk kerja-kerja sedemikian dalam pasaran ketenteraan global. Kecenderungan oleh pelanggan eksport dalam perolehan aset-aset permukaan dan bawah permukaan dari Rusia sudah pasti menjamin prospek yang stabil dalam pembangunan infrastruktur pesisir bagi kemudahan aturgerak dan baikpulih kapal. Ini disertakan dengan faedah pengurangan kos dan juga pembangunan teknologi yang setanding dengan piawaian antarabangsa. 🌐



7, Promyshlennaya Street,
Saint-Petersburg, 198095, Russia
Phone: +7 (812) 786-26-10,
Fax: +7 (812) 786-04-59,
e-mail: inbox@sstc.spb.ru
www.sstc.spb.ru



Lawatan delegasi pelanggan ke salah satu bengkel yang diselia oleh JSC SSTC.